

**PEMAKLUMAN KEPADA PENGIMPORT BERKENAAN PENGURUSAN COA SEMASA
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BAGI MENANGANI COVID-19**

1. Merujuk kepada situasi semasa yang berlaku di dalam negara, pihak CIDB telah menetapkan agar proses verifikasi di pelabuhan dan premis ditangguhkan sementara waktu dari 23 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 atau tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.
2. Sehubungan dengan itu, proses pengeluaran COA akan menggunakan kaedah Akujanji di mana verifikasi akan dijalankan di gudang berlesen/premis yang diluluskan oleh CIDB selepas 31 Mac 2020 atau tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Pengimport dinasihatkan untuk mengimport produk yang telah mempunyai PC/FTTR sahaja. Borang akujanji boleh dimuat turun di pautan berikut:
http://www.cidb.gov.my/images/content/pdf/material/Coa/letter_of_undertaking_konsainmen_1_ammendment_24jan2014.pdf (FTTR)
http://www.cidb.gov.my/images/content/pdf/material/Coa/letter_of_undertaking_pc_1_ammendment_24jan2014.pdf (PC)
3. Pihak pengimport tidak dibenarkan memindah/mengalihkan/menggunakan produk sehingga verifikasi dijalankan dan surat kelulusan penggunaan produk dikeluarkan oleh CIDB.
4. Oleh kerana pihak makmal-makmal di Malaysia telah menggantung sementara proses persampelan & pengujian, semua konsainan yang masih belum mempunyai PC/FTTR tetapi telah tiba di pintu masuk negara dalam tempoh tersebut, perlu ditempatkan sementara di mana-mana gudang berlesen/premis yang diluluskan oleh CIDB sehingga 31 Mac 2020 atau tarikh yang akan dimaklumkan kemudian untuk menjalani proses persampelan dan verifikasi.
5. Berikut dilampirkan tatacara pengeluaran COA Kebenaran Khas – pengurusan COA semasa Perintah Kawalan Pergerakan bagi menangani COVID-19 untuk rujukan semua. Rujuk **Lampiran A**.
6. Semua urusan dilaksanakan menerusi dalam talian (online), emel CIDB & ePermit. Sebarang pertanyaan boleh diemailkan ke alamat gpass@cidb.gov.my atau pegawai-pegawai seperti di bawah:

Pegawai bertugas	Emel untuk dihubungi
Cik Rashimah Adenan – Pertanyaan umum & FTTR/TPIB	rashimah@cidb.gov.my
Pn Azlina Omar – COA & COA Exemption	azlina.omar@cidb.gov.my
En Ramlan Bedin – COA (Produk tiada FTTR/PC)	ramlan@cidb.gov.my
Pn Ezza Hanum – TPIB / FTTR	ezza.hanum@cidb.gov.my
En Azizzul Hakim – TPIB/PPS	azizzul@cidb.gov.my

Sekian, terima kasih.

**Bahagian Standard & Bahan Binaan
CIDB Malaysia**

LAMPIRAN A

1. KAEDAH COA (PC/FTTR)

- 1.1 Pengimport memohon COA melalui sistem ePermit dan menyertakan salinan asal borang Akujanji sama ada dengan cara memuat naik terus ke dalam sistem ePermit atau diemelkan kepada pegawai CIDB yang berkenaan.
- 1.2 Ibu Pejabat CIDB dan pejabat Negeri/Cawangan akan memproses permohonan COA dan meluluskan sekiranya berpuas hati dengan semua dokumen dan maklumat yang diberikan.
- 1.3 Pengimport mengeluarkan produk dan menempatkan di gudang atau premis yang dinyatakan dalam borang Akujanji.

SYARAT KEPADA PENGIMPOR:

- i. Konsainan hendaklah disusun dengan teratur mengikut nombor kelulusan permit.
- ii. Kontena dibenarkan untuk dibuka tetapi pengimport perlu menyimpan nombor seal, emel gambar produk & seal untuk rujukan pegawai verifikasi CIDB.
- iii. Tidak dibenarkan untuk menggunakan atau mengalihkan konsainan seperti dinyatakan dalam borang Akujanji sehingga proses verifikasi selesai dijalankan oleh pegawai CIDB dan surat kelulusan penggunaan produk dikeluarkan.
- iv. Verifikasi akan dilaksanakan oleh CIDB selepas 31 Mac 2020 atau tarikh yang akan dimaklumkan kemudian oleh CIDB.